

## **Pertimbangan moral dalam kalangan pelajar bermasalah disiplin: Penggunaan ‘*Sociomoral Reflection Measure-Short Form Objective*’ (SRM-SFO)**

[Moral judgement among students with disciplinary problems: The usage of ‘Sociomoral Reflection Measure-Short Form Objective’ (SRM-SFO)]

Sathish Rao Appalanaidu\*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

Kewujudan masalah disiplin dalam kalangan remaja terutamanya pelajar sekolah menengah yang sentiasa meningkat kini telah menjadi trend bagi budaya persekolahan. Persoalan mula timbul iaitu dari siapakah remaja mempelajari nilai moral dan kehidupan? Remaja tahu apa yang betul dan apa yang bermoral akan tetapi mereka tidak bertindak sewajarnya kerana ia lebih sukar untuk memenuhi keperluan mereka dengan cara tersebut. Oleh itu, remaja terutamanya pelajar yang bermasalah disiplin menghadapi kesukaran untuk memikirkan yang terbaik untuk diri mereka berdasarkan kemoralan. Berdasarkan kepada fakta-fakta ini, objektif utama kajian yang berbentuk kuantitatif telah ditetapkan iaitu untuk mengkaji darjah pertimbangan moral dalam kalangan pelajar bermasalah disiplin. Kajian ini menggunakan sampel bertujuan berjumlah 100 orang responden. Borang soal selidik yang telah dibangunkan oleh Daniel Brugman, Gibbs dan Fuller (2007) iaitu „*Sociomoral Reflection Measure – Short Form Objective*” (SRM-SFO) digunakan dalam kajian ini sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian menyatakan bahawa sebanyak 96% pelajar bermasalah disiplin berada pada peringkat tidak matang iaitu pada peringkat 2 dan kebawah.\*\*

**Kata Kunci:** Pertimbangan moral, Nilai moral, Masalah disiplin, Delinkuen dan sosiomoral

### **Pengenalan**

Sejak kebelakangan ini, fenomena sistem nilai negara terganggu dengan ketara dalam tempoh peralihan masa yang sangat singkat. Keadaan tersebut memberikan kesan negatif yang sangat mendalam kepada keseluruhan masyarakat, institusi, keluarga dan golongan muda. Buktinya adalah wujud peningkatan masalah tingkah laku ataupun lebih dikenali sebagai masalah disiplin dalam kalangan remaja terutamanya pelajar sekolah yang sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Isu ini menguasai perbincangan di pelbagai peringkat dan meningkatkan kebimbangan antara masyarakat, pegawai-pegawai penguatkuasaan undang-undang dan lain-lain. Selepas mencapai kemerdekaan, Malaysia

---

\* Emel: sathishrao91@gmail.com

\*\* Abstract in English is found at the end of page 64

telah menetapkan kedudukannya yang mantap dari aspek ekonomi, sosial, politik dan teknologi. Bagaimanapun, masalah disiplin pelajar ialah satu isu yang tidak boleh diabaikan begitu sahaja, kerana akan menjejaskan generasi akan datang yang sepatutnya memimpin negara.

Apabila kehidupan remaja diperincikan secara mikro moral, sekolah adalah pusat utama pengumpulan semua remaja yang mengalami usia awal remaja dan juga pertengahan remaja. Jadi apabila aspek ini dilihat di peringkat sekolah, maka remaja yang bertingkah laku devian dinilai sebagai pelajar bermasalah disiplin di peringkat sekolah. Menurut Azizi Yahaya dan Badruzaman Baharom (2006) kadar jenayah dan masalah sosial yang semakin meningkat, khususnya di kalangan remaja dan pelajar sekolah bukan sahaja membimbangkan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bersekolah, tetapi ia turut memberi impak terhadap kredibiliti sekolah sebagai agen kawalan sosial yang seharusnya berperanan dalam pembentukan moral dan tingkah laku generasi muda.

Pelbagai andaian atau label yang boleh diberikan kepada remaja-remaja yang bertingkah laku sedemikian. Bagi remaja yang melanggar norma masyarakat setempat ini dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian dan apabila golongan ini merujuk kepada mereka yang masih bersekolah atau remaja bawah umur, mereka dikenali sebagai delinkuen. Secara umumnya, devian atau delinkuen adalah tingkah laku yang melanggar peraturan atau bertingkah laku yang tidak dapat diterima oleh masyarakat (Azizi Yahaya, Yow Kiaw Geok dan Amir Hamzah Abdul, 2004).

Dari aspek sekolah, walaupun pelbagai peraturan dan disiplin telah ditetapkan oleh pihak sekolah, namun perbuatan salah laku pelajar tetap berlaku. Antara masalah yang begitu ketara ialah berkaitan dengan tingkah laku devian dan delinkuen di kalangan pelajar remaja. Menurut laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat (2013), jumlah kes yang dilaporkan meningkat dari semasa ke semasa tidak mengira kawasan, sama ada di kawasan bandar atau luar bandar, pinggir bandar dan sebagainya. Mengikut Statistik Perkhidmatan Kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah remaja yang terlibat dalam jenayah dari tahun 2009 hingga 2013 ialah 25, 478 orang, manakala Statistik Salah Laku Disiplin Murid Sekolah Menengah, Kementerian Pelajaran Malaysia (2013) pula menunjukkan pola penurunan dari segi penglibatan pelajar dalam salah laku disiplin bagi setiap salah laku yang direkodkan.

Persoalan yang timbul ialah daripada siapakah mereka mempelajari tingkah laku bermasalah dan adakah mereka mempelajari nilai moral dan kehidupan sebelum melakukan kesalahan? Pelbagai faktor yang menjadi dorongan kepada pelajar bermasalah disiplin dan kepada pelajar yang berpotensi melibatkan diri dalam masalah disiplin. Menurut Basinger dan Gibbs (1995), kebanyakan pakar teori perkembangan kognitif cenderung untuk menafsirkan bahawa pelajar bermasalah tingkah laku mempunyai penaakulan moral yang rendah adalah sebagai satu kelewatan. Menurut Mahmood Nazar Muhamed (1993) tingkah laku bermasalah ataupun devian dalam kalangan remaja juga disebabkan oleh konflik dan tekanan psikologikal serta kekurangan kesedaran moral diri.

Individu yang tidak bermoral ataupun „*amorality*“, kebiasaannya didominasi oleh faktor utama yang dikenal pasti sebagai sistem nilai pro-jenayah. Golongan ini terjebak secara langsung dalam tingkah laku bermasalah. Lawrence Kohlberg (1995) telah menyatakan bahawa kemoralan yang rosak adalah asas utama kepada kewujudan delinkuen. Maka perkembangan kognitif individu tersebut dan juga proses pembelajaran nilai tidak selaras dengan perkembangan moral yang diperlukan oleh masyarakat sehingga wujudnya ketidakseimbangan dalam pertimbangan moral. Kohlberg berpendapat wujudnya korelasi yang rapat antara tahap pertimbangan moral dengan tingkah laku manusia. Ketiadaan moraliti dan kejadian tingkah laku masalah disiplin

yang berkaitan adalah akibat kepada masalah disiplin dalam kalangan pelajar iaitu kekurangan proses penyesuaian yang membolehkan untuk mewujudkan kesedaran atau kemustahilan untuk mewujudkan kesedaran (Barringa & Gibbs, 1996). Hal ini disebabkan oleh satu struktur personaliti yang tersendiri ataupun wujudnya pengaruh negatif dalam sosialisasi.

Berdasarkan kepada urutan tetap ini, maka tahap pertimbangan moral pelajar bermasalah disiplin menjadi persoalan. Pada tahap manakah pertimbangan golongan ini? Wujud pelbagai persoalan bahawa golongan remaja bermasalah disiplin atau kelewatan dalam pelajaran mempunyai tahap kematangan moral atau tahap penguasaan moral sendiri oleh seseorang remaja berada pada paras yang rendah ataupun menunjukkan interpretasi yang kurang matang. Maka kajian ini lebih memfokuskan kepada pertimbangan moral dalam kalangan pelajar bermasalah disiplin.

### **Sorotan Kajian**

Menurut kajian yang dijalankan oleh Bisera Jevtic (2014) telah menyatakan dan mengesahkan bahawa kebanyakan atau majoriti pertimbangan moral pelaku delinkuen di Serbia berada pada peringkat kedua, di mana kecenderungan yang rendah untuk berada pada peringkat pertama sebaliknya kecenderungan yang tinggi untuk berada pada peringkat ketiga pertimbangan moral. Apabila dibandingkan jawapan pelaku-pelaku delinkuen dengan status sosioekonomi mereka dan juga perbuatan jenayah yang mereka telah lakukan, dapat disimpulkan bahawa pelaku delinkuen yang berasal daripada keluarga yang berstatus sosioekonomi tinggi mempunyai peringkat pertimbangan moral yang lebih tinggi berbanding pelaku delinkuen yang berasal daripada keluarga yang berstatus sosioekonomi rendah.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Tavecchio, Stams, Daniel Brugman dan Thomeer-Bouwens (1999), pengkaji telah menyatakan bahawa remaja delinkuen mendapat lebih banyak skor dalam tahap pra konvensional. Remaja yang kehilangan tempat tinggal ataupun gelandangan dilaporkan kelakuannya lebih ke arah masalah delinkuen berbanding remaja yang mempunyai kediaman. Tingkah laku remaja gelandangan dianalisis dari pelbagai skala delinkuen iaitu jenayah kecil, vandalisme, keganasan dan kelakuan memberontak terhadap pihak berkuasa polis. Tambahan pula, data bagi kumpulan remaja yang mempunyai kediaman mengesahkan bahawa mereka berada di tahap konvensional dan kurang melakukan masalah-masalah delinkuen berbanding remaja yang berada pada tahap pra konvensional.

Martin Larden, Melin, Holst dan Långström (2005) turut menyokong objektif kajian iaitu pertimbangan moral remaja delinkuen berada pada tahap yang rendah. Pengkaji telah mengkaji perhubungan antara remaja delinkuen yang dipenjarakan dengan remaja yang tidak dipenjarakan (kawalan komuniti) terhadap pertimbangan moral, herotan kognitif dan empati. Hasil kajian menunjukkan bahawa remaja delinkuen kurang berkemampuan dalam membuat pertimbangan moral dan mempunyai herotan antisosial kognitif yang lebih berbanding remaja bukan delinkuen dan kedua-dua kumpulan kurang menunjukkan sifat empati. Tambahan pula, remaja perempuan lebih matang dalam membuat pertimbangan moral dan kurang herotan antisosial kognitif serta bersifat lebih empati berbanding remaja lelaki. Data yang diperolehi melalui kajian bersetuju dengan perbezaan yang dilaporkan sebelum ini dalam pertimbangan moral SRM-SFO antara remaja delinkuen dengan remaja bukan delinkuen dan juga antara lelaki dengan perempuan (Gibbs, Basinger dan Fuller, 1992).

Di Belanda, dapatan yang diperoleh dalam satu kajian berkaitan pertimbangan moral delinkuen oleh De Mey (1994) dapat disahkan dengan menggunakan versi terkini SROM. Berdasarkan kajian tersebut, skor min pertimbangan moral yang rendah diperoleh bagi remaja delinkuen berbanding dua kumpulan yang bukan delinkuen. Umur min dalam ketiga-tiga kumpulan ialah di antara 16 tahun. Kebanyakan orang melibatkan dalam kegiatan salah laku yang serius adalah berada pada peringkat kedua (dengan menggunakan kaedah temu bual; soal selidik dengan skor yang lebih tinggi daripada peringkat kira-kira satu pertiga yang dijangkakan). Thornton and Reid (1982) juga turut memberikan bukti bahawa tahap pra konvensional pertimbangan moral hanya boleh dikaitkan dengan pelaku yang bertingkah laku delinkuen.

Kajian yang telah dijalankan oleh Huizinga dan Menard (1994) juga turut memberi satu impak dalam bidang pertimbangan moral remaja bermasalah disiplin. Kajian ini memberi sumbangan penting kepada perbincangan mengenai arah hubungan antara moral kognitif moral dan tindakan moral. Berdasarkan hasil kajian yang mereka peroleh, Menard dan Huizinga membuat kesimpulan bahawa kelemahan kepercayaan moral biasanya mendahului seseorang remaja untuk bertingkah laku delinkuen dalam kadar sederhana. Perkara ini biasanya akan berlaku pada permulaan remaja. Apabila kedua-dua domain tersebut berlaku, tingkah laku delinkuen tersebut akan menjadi pengaruh yang kuat terhadap kepercayaan moral berbanding kepercayaan moral terhadap tingkah laku berterusan.

### **Objektif Kajian**

Penyelidik telah menetapkan beberapa objektif kajian sebelum kajian dijalankan.

Antaranya ialah:

- i. Mengenal pasti tahap pertimbangan moral pelajar bermasalah disiplin.
- ii. Mengkaji sama ada taraf sosioekonomi keluarga pelajar bermasalah disiplin mempengaruhi tahap pertimbangan moral.
- iii. Mengenal pasti nilai atau domain moral yang dianggap penting oleh pelajar bermasalah disiplin
- iv. Menganalisis mana-mana perhubungan ataupun pengaruh tahap pertimbangan moral dengan demografi pelajar bermasalah disiplin.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan kajian ini:

- i. Apakah tahap pertimbangan moral pelajar bermasalah disiplin?
- ii. Adakah taraf sosioekonomi keluarga pelajar bermasalah disiplin mempengaruhi tahap pertimbangan moral?
- iii. Apakah nilai atau domain moral yang dianggap penting pelajar bermasalah disiplin?
- v. Adakah hubungan demografi pelajar bermasalah disiplin mempengaruhi tahap pertimbangan moral?

### **Metodologi**

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 4 dan 5 yang bermasalah disiplin. Kajian ini dikendalikan dengan sampel bertujuan „*purposive sampling*“ seramai 100 orang responden yang bermasalah disiplin.

## ***Instrumen kajian dan prosedur pengukuran SRM-SFO***

Penyelidik menggunakan kaedah pengumpulan data melalui Ukuran Refleksi Sosiomoral – Borang Objektif Ringkas (*Sociomoral Reflection Measure–Short Form Objective*, SRM-SFO) iaitu soal selidik berbentuk skala *Likert* tiga mata yang telah direka oleh Daniel Brugman *et.al.*, (2007). Soal selidik ini telah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu dan dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu Bahagian A yang berkaitan dengan maklumat demografi responden dan bahagian B yang mengandungi objektif soalan SRM-SFO.

Ukuran Refleksi Sosiomoral - Borang Objektif Ringkas (SRM-SFO) yang bertindak sebagai alat pengukur untuk mengukur tahap perkembangan pertimbangan moral yang dimiliki oleh remaja berdasarkan peringkat-peringkat tipologi Neo-Kohlberg (Gibbs *et.al.*, 1992). Menurut Gibbs *et.al.*, (1992) telah menyatakan bahawa dua peringkat pertama iaitu peringkat satu dan dua mencerminkan pertimbangan moral yang tidak matang dan peringkat 3 dan 4 pula mencerminkan pertimbangan moral yang matang.

SRM-SFO mempunyai format bebas dilema yang akan menjimatkan masa semasa membaca soal selidik tersebut dan juga mempunyai item objektif yang berperingkat yang turut akan menjimatkan masa pengekodan. SRM-SFO ini mudah, cepat dan boleh ditadbir dalam masa 10-15 minit dengan mana-mana jumlah sampel yang besar dan boleh digunakan untuk golongan remaja, remaja delinkuen ataupun mana-mana remaja yang mempunyai kelewatan dan pelajaran.

Setiap set item terdiri daripada 3 sub bahagian yang penting bagi responden untuk menjawab. Pada permulaan setiap set item, soalan berkaitan dengan isu-isu moral atau keadaan moral yang berkaitan dengan domain nilai moral akan ditanya. Pengenalan ini menggantikan dilema moral yang kerap digunakan dalam instrumen penaakulan moral yang lain. Sub bahagian 2 pula alasan kepada isu-isu atau domain nilai moral yang ditanya dan sub bahagian 3 pula berperanan untuk memilih alasan yang terbaik daripada sub bahagian 2.

Instrumen ini juga mempunyai 2 pengiraan secara keseluruhan. Pertama pengiraan skor Penilaian Nilai Moral iaitu “*Moral Value Evaluation*” (MVE) dan kedua pengiraan skor protokol SRM-SFO. MVE menilai betapa pentingnya bidang-bidang nilai seperti perjanjian dan kebenaran, perhubungan, kehidupan, harta dan undang-undang, undang-undang keadilan oleh responden. Pengiraan skor SRM-SFO adalah berdasarkan skor kematangan pemikiran moral. Skor SRM-SFO dikira terlebih dahulu berdasarkan jawapan yang telah diberikan oleh responden dalam sub bahagian 2 dan juga berdasarkan kepada sub bahagian 3 yang opsyen pemilihan yang menentukan tahap pertimbangan secara keseluruhan.

Penilaian bagi setiap opsyen tersebut adalah berdasarkan kepada 4 peringkat Neo-Kohlberg. Penilaian Skor SRM-SFO secara keseluruhan adalah berdasarkan purata skor min yang dekat (purata markah sub bahagian 2) dan skor min paling terdekat (purata skor sub bahagian 3) pemberatnya adalah dua kali ganda lebih tinggi (didarabkan dengan 2) berbanding skor asal yang diperolehi (nisbah 2:1) (Gibbs, Arnold, Morgan, Schwartz, Gavaghan dan Tappan, 1984). Julat skor bermula dengan nilai 100 iaitu di antara 100 hingga 400. (peringkat 1 hingga 4) dengan markah yang lebih tinggi mewakili pertimbangan moral yang lebih tinggi. Data yang diperolehi akan dikira dalam bentuk skema pengiraan Skor SRM-SFO (*SRM-SFO Score Sheet*) dan data yang diperolehi dari

hasil pengiraan akan dianalisis dengan menggunakan “*Statistical Packages for Social Science (SPSS) Version 21*” yang menggunakan kaedah kuantitatif.

## Dapatan Kajian

### *Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen*

Instrumen dalam kajian ini dibina berdasarkan kepada 1 konstruk utama iaitu soalan-soalan objektif yang berbentuk menguji tahap kematangan sosiomoral responden. Bagi memastikan item dalam soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang sah, item ini telah melalui semakan oleh pakar dan setelah itu melalui ujian alpha Cronbach. Berdasarkan jadual 1, nilai alpha Cronbach bagi kedua-dua konstruk melebihi 0.7 yang menunjukkan kebolehpercayaan memuaskan bagi konstruk yang boleh diterima (Chua Yan Piaw, 2006).

Jadual 1. Kebolehpercayaan Koefisien Instrumen Kajian

Instrumen	Kesahihan %	Cronbach Alpha
Pertimbangan Moral – SRM-SFO	100%	0.706

### *Analisis statistik deskriptif Skor dan Tahap-Tahap Pertimbangan Moral SRM-SFO*

Skor pertimbangan moral telah dikira dan min, SP, skor minimum dan juga maksimum telah dikenal pasti. Selain itu juga skor responden telah dimasukkan dalam bentuk peringkat iaitu dari 1 hingga 4 berdasarkan julat yang telah ditetapkan.

Jadual 2. Taburan kekerapan peringkat skor pertimbangan moral SRM-SFO

Peringkat	Julat Skor	kekerapan	Peratus (%)	Min	S.P.	Interpretasi
1	100-174	3	3.0	166.7	8.50	Tidak Matang
2	175-274	93	93.0	220.7	25.78	Tidak Matang
3	275-374	4	4.0	284.3	8.85	Matang
4	375-400	-	-	-	-	Matang
Jumlah Responden /Min/S.P		100	100	221.6	29.53	

Berdasarkan kepada jadual 1, dapatan kajian mendapati bahawa kebanyakan responden mendapat skor di peringkat 2 iaitu sebanyak 93 orang manakala 3 orang responden berada pada peringkat 1. Majoriti responden yang berada pada peringkat 2 dan 1 menunjukkan interpretasi tidak matang dan jumlah kekerapan adalah sangat tinggi iaitu majoriti seramai 96% pelajar bermasalah disiplin berada pada tahap tidak matang. Di samping itu, skor minimum dalam kajian ini adalah sebanyak 157 dan skor maksimum

ialah 297. Manakala nilai min keseluruhan berada pada peringkat 2 sebanyak 221.6 Nilai ini menunjukkan bahawa secara puratanya kesemua pelajar bermasalah disiplin berada pada peringkat 2 yang diklasifikasikan sebagai tidak matang (pra-konvensional).

### ***Analisis statistik deskriptif Skor dan Tahap-Tahap Penilaian Nilai Moral (MVE)***

Penilaian Nilai Moral adalah berdasarkan kepada sub bahagian 1 dalam setiap set soalan SRM-SFO. Skor MVE adalah dari nilai 0 hingga 2 dan dibahagikan kepada 4 peringkat.

Jadual 3. Taburan Kekerapan peringkat skor Penilaian Nilai Moral (MVE)

Peringkat	Julat Skor	kekerapan	Peratus (%)	Min	S.P.	Interpretasi
1	0.1-0.5	-	-	-	-	Tidak Matang
2	0.6-1.0	14	14.0	0.89	0.107	Tidak Matang
3	1.1-1.5	57	57.0	1.34	0.110	Matang
4	1.6-2.00	29	29.0	1.69	1.000	Matang
Jumlah Responde n/ Min/ S.P		100	100	1.38	0.272	

Berdasarkan jadual 3, menunjukkan bahawa skor min MVE adalah berada pada 1.38 iaitu pada peringkat 3 MVE. Bagi nilai skor minimum MVE adalah 0.7 dan nilai ini berada pada peringkat 2 dan tiada mana-mana responden yang berada pada peringkat 1. Skor maksimum pula menunjukkan adalah sebanyak 1.9 iaitu nilai hampir dekat dengan 2.0. Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan responden mendapat skor di peringkat 3 iaitu sebanyak 57 orang responden berada pada peringkat 3 iaitu bersamaan dengan 57% manakala kedua tertinggi ialah di peringkat 4 iaitu sebanyak 29 orang bersamaan dengan 29%. Selebihnya adalah di peringkat 2 iaitu seramai 14 orang sahaja di peringkat ini bersamaan 14%. Kebanyakan responden mendapat skor yang tinggi dan ini menunjukkan bahawa responden sedar akan kepentingan domain-domain moral dan mempunyai potensi untuk menguasai nilai-nilai moral dalam kalangan pelajar bermasalah disiplin.

### ***Analisis Kepentingan Domain Nilai Berdasarkan Soalan SRM-SFO***

Analisis kepentingan domain moral SRM-SFO adalah berdasarkan kepada jawapan dari sub bahagian 1 dari setiap set soalan. Soalan-soalan yang terdapat di dalam soal selidik SRM-SFO mengandungi 7 domain moral utama. Mengikut Daniel Brugman *et.al.*, (2007), interpretasi bagi domain moral ini adalah berdasarkan kepada sub item 1 iaitu nilai (0.0-0.66) menunjukkan interpretasi tidak penting, (0.67-1.33) menunjukkan interpretasi penting manakala nilai (1.34-2.00) menunjukkan interpretasi sangat penting.

Jadual 4. Rumusan Analisis Kepentingan Domain Moral SRM-SFO

Domain Moral	Min	S.P	Interpretasi	Peringkat Moral
Kontrak Perjanjian	1.09	0.348	Penting	2
Kebenaran	1.50	0.644	Sangat Penting	1
Perhubungan	1.69	0.545	Sangat Penting	2
Kehidupan	1.38	0.504	Sangat Penting	2
Harta Milik	1.35	0.747	Sangat Penting	1
Undang-undang	1.69	0.486	Sangat Penting	1
Keadilan Undang-Undang	1.65	0.479	Sangat Penting	1
Min/ S.P Keseluruhan	1.48	0.281		

Secara keseluruhan, kesemua domain moral kecuali kontrak perjanjian adalah sangat penting bagi responden bermasalah disiplin manakala domain kontrak perjanjian adalah penting bagi mereka. Peringkat tertinggi yang telah dicatatkan untuk setiap soalan adalah peringkat 2. Terdapat 3 domain moral mencatatkan peringkat 2 iaitu domain kontrak perjanjian, perhubungan dan juga kehidupan dan selebihnya mencatatkan peringkat 1. Bagi menjawab persoalan kajian iaitu domain moral ataupun nilai moral utama yang dianggap penting oleh responden bermasalah disiplin ialah domain perhubungan dan juga undang-undang. Kedua-dua domain ini mencatatkan nilai min yang sama dan tinggi berbanding domain lain iaitu sebanyak 1.69. Domain perhubungan adalah berkaitan dengan perhubungan dengan keluarga manakala domain undang-undang pula berkaitan dengan mematuhi undang-undang.

#### ***Hubungan Antara Demografi Responden dengan Pertimbangan Moral Pelajar Bermasalah Disiplin***

Bagi menjawab persoalan kajian kedua, bahagian A dan B dianalisis bagi mendapatkan korelasi di antara dua pemboleh ubah berdasarkan kepada skor pertimbangan moral (SRM-SFO), tahap pertimbangan moral (SRM-SFO) dan juga tahap penilaian nilai moral (MVE) responden. Sebanyak 5 pemboleh ubah telah dianalisis dalam kajian ini.

Jadual 5. Korelasi Antara Demografi Responden dengan Pertimbangan Moral

Aspek Perhubungan	<i>r</i>	Sig. <i>P</i>
Tahap Pendapatan Keluarga * Skor Pertimbangan Moral	0.059	0.560
Tempat Tinggal * Skor Pertimbangan Moral	0.217**	0.030
Status Penjaga/ Ibu Bapa * Tahap Pertimbangan Moral	0.376**	0.000
Etnik * Skor Penilaian Nilai Moral	0.254**	0.011
Pekerjaan Bapa * Skor Penilaian Nilai Moral	0.201**	0.045

\*\*Korelasi adalah signifikan pada aras  $p < 0.05$

Berdasarkan analisis korelasi *Pearson* dalam jadual 5, analisis mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendapatan keluarga dengan skor pertimbangan moral ( $r=0.059$ ,  $p < 0.05$ ). Berdasarkan kepada keputusan analisis ini, dapat



dirumuskan bahawa sosioekonomi keluarga responden tidak berhubung kait dengan tahap kematangan moral responden.

Selain itu, terdapat perhubungan antara tempat tinggal responden dengan skor pertimbangan moral SRM-SFO dan wujud signifikan antara kedua-dua variabel ( $r=0.217$ ,  $p<0.05$ ). Dari segi kekuatan nilai korelasi pula, analisis data menunjukkan kekuatan yang sederhana rendah ( $r=0.217$ ) antara tempat tinggal responden terhadap skor pertimbangan moral SRM-SFO. Berdasarkan keputusan analisis, dapat disimpulkan bahawa dalam kalangan pelajar bermasalah disiplin, tempat tinggal pelajar berhubung kait dengan tahap kematangan sosiomoral pelajar.

Seterusnya pula adalah berkaitan dengan aspek ketiga. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perhubungan antara status penjaga/ ibu bapa dengan tahap pertimbangan moral responden adalah signifikan ( $r=0.376$ ,  $p<0.05$ ). Dari segi kekuatan nilai korelasi pula, analisis data menunjukkan kekuatan yang sederhana rendah ( $r=0.376$ ) antara status penjaga/ ibu bapa terhadap tahap pertimbangan moral (SRM-SFO) responden. Berdasarkan keputusan analisis ini, status penjaga/ ibu bapa adalah berhubung kait dengan tahap pertimbangan moral pelajar bermasalah disiplin.

Bagi analisis keempat pula, etnik responden dengan skor penilaian nilai moral responden menunjukkan perhubungan signifikan ( $r=0.254$ ,  $p<0.05$ ). Dari segi kekuatan nilai korelasi pula, analisis data menunjukkan kekuatan yang sederhana rendah ( $r=0.254$ ) antara etnik responden terhadap skor penilaian nilai moral responden. Berdasarkan keputusan analisis ini, etnik responden adalah berhubung kait dengan skor penilaian nilai moral pelajar bermasalah disiplin.

Aspek yang terakhir ialah pekerjaan bapa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perhubungan pekerjaan bapa responden dengan skor penilaian nilai moral responden adalah signifikan ( $p=0.201$ ,  $p<0.05$ ). Dari segi kekuatan nilai korelasi pula, analisis data menunjukkan kekuatan yang sederhana rendah ( $r=0.201$ ) antara pekerjaan bapa responden terhadap skor penilaian nilai moral responden. Berdasarkan keputusan analisis ini, pekerjaan bapa responden adalah berhubung kait dengan skor penilaian nilai moral pelajar bermasalah disiplin. tahap pertimbangan moral pelajar bermasalah disiplin.

Dapatan daripada keempat-empat aspek ini memberikan implikasi bahawa wujudnya pengaruh demografi responden terhadap tahap pertimbangan pelajar bermasalah disiplin. Namun demikian tidak semua aspek dalam pemboleh ubah demografi responden mempunyai hubungan yang signifikan dengan dan mempunyai darjah kekuatan yang kuat.

## **Perbincangan**

Berdasarkan kepada keperluan objektif kajian yang pertama, melalui kajian ini dapat dibuktikan bahawa tahap pertimbangan moral dalam kalangan pelajar bermasalah disiplin berada pada tahap tidak matang iaitu peringkat 2. Bagi peringkat tidak matang seramai 96 pelajar berada pada tahap ini. Dapatan kajian ini juga telah menjawab persoalan kajian yang pertama dan diterima sebulat-bulat bahawa pelajar bermasalah disiplin berada pada peringkat 2 dan ke bawah yang dinyatakan sebagai tahap tidak matang. Hasil dapatan kajian ini dapat dipastikan dengan wujudnya bukti dari Smetana (1990) yang telah menyatakan bahawa remaja yang mempunyai masalah delinkuen, skor yang diperoleh adalah 250 ke bawah dengan menunjukkan interpretasi tidak matang. Bagi kajian ini skor maksimum adalah mencapai tahap tiga manakala skor minimum pula berada pada tahap 1.

Berdasarkan kepada dapatan pelajar bermasalah disiplin mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk beralih ke peringkat yang seterusnya dan juga kecenderungan yang rendah untuk menurun ke peringkat yang lebih rendah. Analisis peralihan ini juga turut disokong dengan dapatan kajian Bisera Jevtic (2014) bahawa kebanyakan jawapan remaja bermasalah delinkuen berada pada peringkat 2 dalam penaakulan moral dengan kecenderungan jarang untuk menurun ke peringkat 1 dan pada masa yang sama wujud kecenderungan tinggi untuk peralihan ke peringkat 3 dalam penaakulan moral.

Secara keseluruhan, berdasarkan kepada penjelasan yang telah dinyatakan oleh Gibbs, Potter, Arnold, Goldstein dan Brendtro, (1996) mengenai tahap-tahap pertimbangan moral. Bagi remaja yang berada pada peringkat 1, pemikiran mereka adalah lebih kepada ke arah kuasa. Kuasa menjadikan betul. Akhlak adalah berdasarkan kepada patuh iaitu melakukan apa-apa sahaja apabila orang besar ataupun berkuasa menyuruh. Apabila pelajar bermasalah disiplin yang berada pada peringkat 1 mereka beranggapan bahawa perkara yang diberi tanggungjawab dan apa-apa tindakan yang mereka lakukan adalah betul dan apa-apa yang diperolehi adalah adil bagi mereka. Berdasarkan kepada pernyataan Kohlberg (1984), seorang remaja telah menyatakan bahawa menyelamatkan nyawa beberapa orang adalah lebih baik berbanding menyelamatkan nyawa seorang individu kerana bagi mereka menyelamatkan seorang nyawa tidak memberi kepentingan kepada diri mereka. Jika mereka menyelamatkan ramai nyawa banyak kepentingan yang boleh diperolehi oleh individu ini. Golongan ini sukar untuk memahami peraturan dan sebab-sebab moral serta mereka hanya sedar apabila mereka dikenakan hukuman ataupun denda.

Bagi pelajar bermasalah disiplin pula iaitu seramai 93 orang pelajar, pemikiran mereka adalah berdasarkan kepada “jika awak menggaru saya, saya akan menggaru awak”. Pemikiran moral golongan ini adalah berdasarkan kepada kepentingan diri sendiri. Bagi mereka kemoralan adalah sebagai satu pertukaran nikmat dan mereka beranggapan bahawa mereka mempunyai hak untuk melakukan apa sahaja yang mereka mahu asalkan tidak ada halangan dari pihak berkuasa. Penghakiman moral golongan ini adalah lebih bersifat psikologi tetapi masih cetek dengan cara pragmatik. Golongan ini berfikiran bahawa menepati janji adalah penting kerana orang lain juga perlu menepati janji kepada mereka atau mereka perlu diberi layanan baik supaya tidak dimarahi dengan mereka. Selain itu alasan-alasan bagi golongan ini juga adalah lebih kepada bersifat individualistik. Oleh itu, kebanyakan pelajar bermasalah disiplin lebih bersifat individualistik dan juga tidak mengetahui nilai-nilai moral yang dianggap penting di persekitaran mereka.

Berdasarkan kepada Turiel (1983), nilai moral adalah berdasarkan kepada persekitaran yang bahaya bagi golongan yang bertingkah laku luaran atau sebaliknya jika tiada kemudaratan. Berdasarkan kepada kajian, pengetahuan domain moral adalah sangat tinggi bagi pelajar bermasalah disiplin. Berdasarkan kepada pernyataan Gibbs *et.al.*, (1992), skor MVE kebiasaannya dijangkakan lebih tinggi daripada skor SRM-SF yang diperolehi iaitu sebanyak 90% lebih tinggi berbanding Skor SRM-SFO. Walaupun pelajar-pelajar ini sedar dan tahu mengenai kewujudan nilai-nilai moral di persekitaran mereka tetapi pengamalan dan juga pemberian sebab penting bagi nilai-nilai moral adalah sangat rendah dan wujud kelewatan dalam perkembangan moral mereka.

Berdasarkan kepada analisis jawapan yang diberikan oleh pelajar bermasalah disiplin mengenai menyelamatkan nyawa rakan adalah sangat penting kerana rakan adalah seorang yang sangat rapat dan juga mempunyai kepentingan untuk mereka. Walaupun mereka sedar bahawa menyelamatkan nyawa rakan adalah penting, akan tetapi

mereka menganggap bahawa mereka sepatutnya perlu diselamatkan kerana mempunyai kepentingan untuk diri mereka. Alasan yang dinyatakan oleh pelajar-pelajar ini berada pada peringkat 1 dan sangat sukar untuk diterima. Apabila ditanya mengenai menyelamatkan nyawa individu yang tidak dikenali separuh pelajar menyatakan penting dan separuh lagi menganggap tidak penting. Mereka beranggapan nilai ini tidak penting bagi mereka kerana individu tersebut tidak dikenali, bukan merupakan orang yang berkepentingan dan juga itu adalah bukan urusan mereka untuk membantu menyelamatkan nyawa. Oleh itu, peneguhan nilai moral yang terdapat dalam diri mereka amat rendah walaupun majoriti pelajar bersetuju dengan nilai-nilai ini (Nunner-Winkler, Meyer Nikele dan wohlrab, 2007).

Domain moral perhubungan atau gabungan adalah berdasarkan kepada nilai kekeluargaan iaitu tanggungjawab sebagai seorang anak kepada ibu bapa. Domain ini memainkan peranan yang sangat penting dalam kalangan pelajar bermasalah disiplin kerana persekitaran pelajar-pelajar ini diselubungi dengan sifat-sifat kekeluargaan dan juga budaya ketimuran yang menjadi mod utama kepada mereka dalam menentukan segala perkara. Alasan yang terbaik diberikan oleh majoriti pelajar adalah ibu bapa telah membesarkan mereka, maka sebagai seorang anak mereka patut membalas jasa Ibu bapa. Walaupun analisis peringkat bagi alasan ini berada pada tahap 2, namun remaja lebih pertahankan keluarga mereka ia melibatkan aspek kepentingan diri mereka dan juga ahli keluarga. Tuntasnya, pelajar bermasalah disiplin lebih berpegang kepada nilai kekeluargaan berbanding mana-mana nilai lain atas faktor keakraban dan kepentingan diri dan keluarga pelajar.

Satu lagi domain moral yang dianggap penting oleh pelajar bermasalah disiplin ialah undang-undang. Domain moral undang-undang ini adalah berkonsepkan kepada nilai mematuhi undang-undang. Hasil dapatan berkaitan dengan domain moral ini adalah sangat bertentangan dengan tingkah laku luaran yang dilakukan oleh pelajar bermasalah disiplin dengan jawapan yang mereka berikan mengenai nilai moral mematuhi undang-undang. Namun terdapat beberapa pandangan yang telah dinyatakan oleh Kohlberg (1984) bahawa remaja yang berada pada peringkat 1, mereka bertindak untuk melakukan apa sahaja perkara betul bagi mereka dan apa sahaja yang diterima oleh mereka adalah betul.

Bagi golongan pelajar bermasalah disiplin, mereka menganggap bahawa mematuhi peraturan dan undang-undang satu perkara yang sangat penting bagi mereka. Perkara yang mereka patuhi adalah betul berdasarkan nilai-nilai yang terdapat dalam diri mereka. Menurut Gregg, Gibbs dan Basinger, (1994) pula telah menyatakan bahawa golongan delinkuen kebiasaannya akur terhadap pandangan mematuhi undang-undang tetapi dari segi pengamalan mereka amat lemah untuk mematuhi undang-undang dan mengalami kelewatan dalam perkembangan kognitif mereka. Jawapan yang diberikan oleh pelajar bermasalah disiplin secara keseluruhannya berada pada peringkat 1, di mana pelajar pada tahap ini hanya mengikuti pihak autoriti yang berkuasa dengan bulat-bulat dan tidak menganalisis selok-belok selagi tidak mengetahui bahawa sesuatu perkara yang dilakukan adalah salah (Gibbs *et.al.*, 1992).

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menjalankan ujian korelasi mengenai pengaruh tahap pendapatan keluarga terhadap pertimbangan moral pelajar. Walaupun tidak terdapat hubungan signifikan antara tahap pendapatan keluarga dengan pertimbangan moral pelajar tetapi terdapat hubungan signifikan dengan pemboleh ubah yang lain iaitu tempat tinggal. Berdasarkan kepada kajian Nilay Ozkan Kuyel (2002), pelajar yang tertumpu di kawasan bandar lebih terdedah dengan pelbagai konflik dan situasi moral yang memaksa mereka untuk bertindak dan berfikir secara mendalam.

Selain itu, melalui hasil kajian yang dijalankan oleh beliau menunjukkan bahawa kawasan yang mengalami pemodenan adalah sangat sesuai untuk merangsangkan perkembangan kognitif. Oleh itu, pelajar bermasalah disiplin yang majoritinya dari kawasan luar bandar menunjukkan kelewatan dalam pertimbangan moral disebabkan oleh persekitaran pelajar yang tidak menunjukkan sebarang perkembangan dan juga tidak bertindak untuk membantu atau merangsangkan pemikiran pelajar tersebut untuk maju. Hal ini kerana kawasan tempat tinggalnya tertumpu di kawasan luar bandar yang kurang dengan kemajuan dan juga tiada pemodenan yang memberikan dan mendedahkan remaja tersebut dengan penilaian baru.

Selain itu, terdapat juga hubungan yang dikenal pasti di antara tahap pertimbangan moral dengan status penjaga pelajar. Majoriti pelajar bermasalah disiplin tinggal dengan ibu bapa yang bersama. Status kebersamaan oleh ibu bapa pelajar bermasalah disiplin adalah menjadi persoalan apabila walaupun ibu bapa mereka bersama tetapi mengapa tahap pertimbangan moral pelajar ini rendah dan menunjukkan interpretasi tidak matang. Hal ini kerana mungkin disebabkan dari sudut kawalan atau peranan ibu bapa mereka sendiri.

Kanak-kanak yang hidup bersama ibu bapa akan memperoleh nilai kelas sosial yang diamalkan oleh keluarga. Keluarga golongan kelas sosial bawahan selalunya besar, kurang berkemampuan, dan ibu bapa kurang memberi perhatian individu kepada anak-anak. Ibu bapa ini mempunyai harapan rendah terhadap anak-anak, berbual tentang topik yang terbatas, dan mahukan anak-anak mengikut perintah mereka. Ini menjadi salah satu faktor ibu bapa yang hidup bersama dengan anak-anak mereka tetapi tidak memberi sebarang kesan positif terhadap perkembangan (Gardner dalam Mohamad Daud Hamzah, 1994). Kesukaran ibu bapa yang hidup bersama untuk berkongsi pengetahuan adalah amat terbatas sehingga menyebabkan wujud kelewatan dalam perkembangan nilai moral dalam diri pelajar.

Ketidakterkesan gaya keibubapaan dan kurangnya hubungan dua hala serta didikan antara ibu bapa dan anak adalah faktor penting kewujudan tingkah laku disiplin di kalangan pelajar di sekolah (Arbona dan Power, 2003). Kewujudan gaya keibubapaan yang lemah menjadi punca kepada kelewatan kognitif anak mereka. Kognitif yang tidak dikembangkan dan tidak didedahkan dengan pelbagai nilai-nilai moral ataupun nilai di luar kekeluargaan menjadikan pelajar-pelajar ini terjebak dengan masalah disiplin sekali menyebabkan pertimbangan moral dan penguasaan nilai-nilai moral rendah.

Pengaruh etnik terhadap penguasaan nilai moral dalam kalangan pelajar bermasalah disiplin juga turut dilihat apabila wujudnya signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah. Nilai-nilai yang dipelajari oleh pelajar tersebut dalam kelompoknya mungkin bertentangan dengan nilai yang dilihat di persekitaran walaupun nilai-nilai persekitaran tersebut adalah bentuk positif. Di samping itu, keengganan pelajar tersebut untuk menerima nilai-nilai yang bertentangan dengan etnik juga boleh menjadi kemungkinan untuk wujudnya masalah dalam penguasaan moral.

Terdapat pengaruh pekerjaan bapa secara langsung terhadap penguasaan nilai moral pelajar bermasalah disiplin. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, penyelidik dapat menyatakan bahawa majoriti pekerjaan bapa pelajar bermasalah disiplin ialah bekerja sendiri iaitu mencari nafkah secara usahaendirian. Pekerjaan ibu bapa adalah salah satu latar belakang sosioekonomi yang mempengaruhi kanak-kanak yang secara langsung dan tidak langsung belajar daripada persekitaran fizikal, sosial dan iklim nilai dalam dunia mereka dibesarkan (Mohamad Johdi Salleh *et. al.*, 2009). Indikasi tersebut menunjukkan bahawa pengaruh pekerjaan bapa adalah memainkan pengaruh yang tidak kurang penting dalam memperkembangkan nilai-nilai moral dalam diri remaja.

Apabila bapa yang bekerja lebih meluangkan masa di luar rumah berbanding dengan anak-anak di rumah mereka, maka anak-anak mereka mula bertindak berani untuk keluar dari rumah untuk melakukan hal-hal yang tidak berfaedah. Kawalan yang lemah dari bapa juga bermain peranan dalam keadaan ini. Sebagai bapa harus meluangkan masa untuk berbincang mengenai hal-hal keluarga dengan anak-anak mereka, memberi peluang kepada anak-anak untuk berkongsi pemikiran mereka dan juga kehendak mereka dan memastikan gerak-geri anak-anak diperhatikan (Azizi Yahaya *et. al.*, 2006) Tetapi kesemua perkara ini tidak dapat dijalankan akibat faktor masa bapa bekerja yang terhad dan lebih tertumpu di luar rumah sekali menyukarkan anak-anak mereka untuk mengembangkan pemikiran.

## Kesimpulan

Oleh sebab maklumat-maklumat yang diperoleh daripada kajian ini sangat berguna dan bernilai terutamanya kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga pihak pentadbir sekolah, adalah dicadangkan agar maklumat-maklumat ini diambil kira oleh pelajar dalam konteks disiplin. Maklumat yang ada seharusnya memberi manfaat kepada kaunselor sekolah, guru-guru dan pihak pentadbir sekolah agar dapat membantu pelajar dapat memupuk kematangan moral yang berfokuskan kepada perkembangan kognitif moral pelajar.

Kajian ini telah berjaya mencungkil maklumat-maklumat terkini berkaitan pertimbangan moral dalam kalangan pelajar bermasalah disiplin. Di samping itu, kajian ini juga telah berjaya memberikan maklumat mengenai bentuk-bentuk hubungan yang wujud hasil daripada skor pertimbangan moral yang diperoleh dari pelajar bermasalah disiplin. Keberkesanan kajian ini sangat bermakna untuk menilai pelajar-pelajar yang bukan sahaja mengalami masalah disiplin malah remaja yang mempunyai masalah tingkah laku dalaman atau luaran dan juga yang berkait dengan penglibatan anti-sosial. Berdasarkan perbincangan yang dihuraikan, pertimbangan moral dalam kalangan pelajar bermasalah disiplin berdasarkan kepada penggunaan „*Sociomoral Reflection Measure-Short Form Objective*“ (SRM-SFO) berjaya mencapai objektif.

## Rujukan

- Arbona, C., & Power, T. G. (2003). Parental attachment, self-esteem, and antisocial behaviors among African American, European American, and Mexican American adolescents. *Journal of Counseling Psychology*, 50(1), 40-51.
- Azizi Yahaya, & Badruzaman Baharom. (2006). *Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja di Daerah Pontian Johor*. Johor Baru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Yow Kiaw Geok & Amir Hamzah Abdul (2004). *Keberkesanan Program-program Pemulihan Tingkahlaku di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti*. Tesis: Universiti Teknologi Malaysia
- Barriga, A. Q., & Gibbs, J. C. (1996). Measuring cognitive distortion in antisocial youth: development and preliminary validation of the „How I Think“ questionnaire. *Aggressive Behavior*, 22, 333-343).
- Basinger, K.S., Brugman, D., & Gibbs, J.C. (2007). *Sociomoral Reflection Measure – Short Form Objective (SRM-SFO)*. Instrumen yang tidak diterbitkan. Urbana University, OH, United States.

- Basinger, K. S., Gibbs, J. C. & Fuller, D. (1995). Context and measurement of moral judgement. *International Journal of Behavioral Development*, 8, 537-556.
- Jevtic, B. (2014). Moral judgement of delinquents. *Procedia–Social and behavioural sciences*, 149, 449-445.
- Chua, Y.P. (2006). *Asas Statistik Penyelidik*. Malaysia: Mc Graw Hill.
- Cronbach, L. J. (1990). *Essentials of psychological testing*, 5<sup>th</sup> edition., New York: Harper & Row.
- De Mey. (1994). *Moral judgement from a developmental and educational perspective: Exploring and testing the hypotheses of Lawrence Kohlberg*, Doctoral dissertation, Amsterdam, Free University.
- Gibbs, J. C., Basinger, K. S., & Fuller, D. (1992). *Moral maturity: measuring the development of sociomoral reflection*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Gibbs J.C., Potter, G.B., Arnold P.G., and Larry K.B., (1996). Equipping Youth with Mature Moral Judgment. *Spring*, 156-162.
- Gibbs, J.C., Arnold, K.D., Morgan, R.L., Schwartz, E.S., Gavaghan, M.P., & Tappan M.B. (1984). Construction and validation of a multiple-choice measure of moral reasoning. *Child Development*, 55(2), 527-536.
- Gregg, V., Gibbs, J.C. & Basinger, K.S. (1994). Patterns of developmental delay in moral judgment by male and female delinquents. Merrill-Palme: *Quarterly*, 538-553.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2013). *Statistik Penglibatan Remaja dalam Jenayah Juvana dari tahun 2009-2013*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Laporan Pembangunan Kemanusiaan Unit Hal Ehwal Murid*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kohlberg, K. (1995). *Tahap-tahap perkembangan moral*. Penerbit: Religious Educations Press, Birmingham Alabama, 1980. Penterjemah: John de Santo dan Agus Cremers SVD.
- Kohlberg, K. (1984). Essays on Moral Development: Vol. II. *The Psychology of Moral Development. The Nature and Validity of Moral Stages*. San Francisco: Harper & Row.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1993). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Larden, M., Melin, L., Holst, U., & Långström, N. (2006). Moral judgement, cognitive distortions and empathy in incarcerated delinquent and community control adolescents. *Psychology, Crime & Law*, 12(5), 453-462.
- Menard, S., & Huizinga, D. (1994). Changes in conventional attitudes and delinquent behavior in adolescence. *Youth and Society*, 26, (1), 23-53.
- Mohamad Daud Hamzah. (1994). *Perkembangan Kanak-kanak dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Hasani Dali & Mohamad Johdi Salleh. (2009). *Pengurusan Bilik Darjah dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: McGraw Hill. (pp: 161 – 188).
- Nilay Ozkan Kuyel B.S. (2002). *A comparison of moral reasoning and moral orientation American and Turkish university students*. Tesis master. Department of Counseling, Development, and Higher Education. University Of North Texas.
- Nunner-Winkler, G., Meyer-Nikele, M., & Wohlrab, D.. (2007). Gender differences in moral motivation. Merrill-Palme: *Quarterly*. 53, 26-52.

- Smetana, J.G. (1990). Morality and conduct disorders: *Handbook of Developmental Psychopathology*, 157-179. New York: Plenum Press
- Tavecchio, L.W.C., Stams, G. J. J. M., Brugman, D., & Thomeer-Bouwens, M. A. E. (1999). Moral judgment and delinquency in homeless youth. *Journal of Moral Education*, 28, 63-79.
- Thornthorn, D. & Reid, R.L. (1982). The development of interpersonal competence: the role of understanding in conduct: *Developmental Review*, 401-422.
- Turiel, E. (1983). *The Development of Social Knowledge*. Cambridge: Cambridge University Press.
- 

## **Abstract in English**

The existence of disciplinary problems among teenagers, especially secondary school students is constantly increasing. Teenagers may know what is right and what is morally wrong, however, they do not act accordingly. Therefore teenagers, especially students with discipline problems, face difficulties to figure out what is the best for themselves morally. In accordance with these facts, the main objective of this quantitative study is to assess the degree of moral judgment among students with discipline problems. The research is carried out with a purposeful sample of 100 respondents. The instrument used is adapted from the Sociomoral Reflection Measure - Short Form Objective (SRM-SFO) questionnaire developed by Daniel Brugman, John Gibbs and Fuller (2007). The findings find that 96% of students with discipline problems are at an immature stage to fully understand what constitutes moral judgement.

**Keywords:** Moral judgments, moral values, disciplinary problems, delinquency.